

# KITA BOLEH MENANG BERSAMA

16 - 30 SEPTEMBER, 2021

PERCUMA

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# LAWAN COVID-19

## pastikan kehidupan rakyat kekal selamat




Oleh : **WARTAWAN BULETIN MUTIARA**

**GEORGE TOWN** - Sejak penularan COVID-19, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang membelanjakan kira-kira RM180 juta demi memenuhi keperluan kelengkapan perubatan di hospital-hospital seluruh negeri ini sekali gus memastikan kehidupan rakyat kekal selamat.

Berdasarkan angka itu juga, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa Kerajaan Negeri turut membuat perbelanjaan lain berkaitan seperti penyediaan logistik; mewujudkan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Berisiko Rendah; Pusat Pemberian Vaksin (PPV); Hospital Medan Kepala Batas; bantuan semasa kepada pasukan keselamatan; Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang, Program Penang Saring COVID-19 dan lain-lain.

Menurut beliau, mengikut strategi Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Pulau Pinang kini telah memasuki fasa mitigasi iaitu untuk mengurangkan kehilangan nyawa serta menghalang sistem perubatan awam daripada lumpuh sepenuhnya.

Justeru, antara **pendekatan yang bakal diambil oleh Kerajaan Negeri:-**

**(i) Penambahan katil-katil oksigen dan wad-wad di hospital awam serta meningkatkan keupayaan PKRC Berisiko Rendah. Di samping itu, hospital swasta juga perlu menambah kapasiti katil kepada tahap 30 peratus demi menyokong pesakit-pesakit COVID-19;**

**(ii) Bagi menghadapi maklum balas serta keperluan rakyat, Kerajaan Negeri kini giat mengadakan perbincangan dengan pihak hotel untuk menambah kemudahan kuarantin kepada pesakit Kategori 1 dan Kategori 2 yang ingin menjalani tempoh kuarantin di luar kediaman masing-masing;**

**(iii) *Pre Hospital Care* di bawah *Penang Covid-19 Unified Command Centre* (PUCC) juga telah ditambah baik dengan perkhidmatan panggilan 999 COVID-19 dan kemudahan pengangkutan untuk menghantar pesakit ke hospital atau PKRC;**

**(iv) Kerajaan Negeri akan terus memudahcarakan segala keperluan bersama-sama JKNPP dan lain-lain agensi wajib serta menggembleng sumber pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti untuk membantu dalam usaha melawan pandemik COVID-19;**

**(v) Imunisasi adalah strategi utama, dan Kerajaan Negeri menggesa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk memastikan bekalan vaksin dapat disegerakan bagi menyempurnakan pencapaian suntikan penuh kepada 100 peratus populasi dewasa yang disasarkan.**

Dalam pada itu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan serta menjayakan penubuhan hospital-hospital serta klinik-klinik yang telah dijadikan sebagai pusat rawatan COVID-19. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:-

| BIL. | DAERAH & FASILITI | FUNGSI |
|---|---|---|
| | **TIMUR LAUT** | |
| 1<br>2 | Hospital Pulau Pinang<br>Kompleks Masyarakat Penyayang | Hospital Hibrid COVID-19<br>(PKRC 21 November 2020 - 2 Mac 2021);<br>(20 Ogos 2021- kini) |
| | **BARAT DAYA** | |
| 1<br>2 | Pusat Latihan Zakat<br>Kompleks Sukan Balik Pulau | PKRC<br>(PKRC 16 Disember 2020 - 17 Mac 2021);<br>kini digunakan sebagai PPV |
| | **SEBERANG PERAI UTARA** | |
| 1 | Hospital Kepala Batas | Hospital COVID-19 |
| | **SEBERANG PERAI TENGAH** | |
| 1<br>2 | Hospital Seberang Jaya<br>Hospital Bukit Mertajam | Hospital Hibrid COVID-19<br>Hospital Hibrid COVID-19 |
| | **SEBERANG PERAI SELATAN** | |
| 1 | *Mara Excellence Centre* | PKRC |

Serentak itu, Kon Yeow turut mengalu-alukan kenyataan Menteri Kesihatan sebelum ini berhubung perhatian khusus yang bakal diberikan kepada Pulau Pinang dan empat negeri lain berhubung kelengkapan peralatan perubatan serta sumber tenaga berkepakaran dalam menangani lonjakan kes COVID-19 kini.

**“Kita masih ingat pada satu ketika, apabila negeri Pulau Pinang dalam keadaan lebih ‘selesa’, Pulau Pinang dan lain-lain negeri menghantar bantuan ke Lembah Klang… ketika itu Lembah Klang menghadapi cabaran yang amat genting. Justeru, hari ini kita (Pulau Pinang) memerlukan bantuan yang serupa, dan berharap bantuan-bantuan ini dapat dihantar secepat mungkin bagi memberi rawatan segera kepada pesakit yang memerlukan,’’** tegasnya.

Sebagai tambahan, pada sesi penggulungan dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Ke-14 di sini 3 September lalu, Kon Yeow turut mengumumkan bahawa sebanyak 40,000 kit ujian pantas antigen COVID-19 (ujian sendiri) akan diperuntukkan kepada mereka yang memerlukan di negeri ini tertakluk kepada syarat serta kriteria ditetapkan.

# Teroka lebih banyak jalinan kerjasama

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**



PERTEMUAN Ketua Menteri dan Dr. Asmayani Khalib (kiri sekali) di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN** – Usaha untuk menambah baik kemudahan COVID-19 di hospital-hospital awam dan pusat kuarantin di negeri ini merupakan antara topik perbincangan ketika kunjungan hormat perpisahan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP), Dato' Dr. Asmayani Khalib ke atas Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Turut dibincangkan adalah inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengekang perebakan jangkitan, perkembangan semasa projek pembesaran Hospital Pulau Pinang serta meneroka lebih banyak kerjasama antara awam-swasta bagi perkhidmatan kesihatan pada masa depan.

Pada kesempatan itu, Kon Yeow yang mewakili barisan pentadbiran Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Asmayani.

"Sepanjang tempoh itu juga, pelbagai cabaran telah dihadapi dan sedaya upaya memastikan perkhidmatan kesihatan terus terjamin sehingga kini dan saya amat hargai segala sumbangan yang telah dihulurkan oleh pihak Dr. Asmayani termasuk JKNPP.

"Tidak dinafikan, JKNPP telah menjadi rakan penting kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam jawatankuasa keselamatan pengurusan COVID-19 dan (Kerajaan Negeri) akan terus bersama-sama JKNPP dalam perang melawan pandemik ini," ujarnya yang turut berharap agar usaha Asmayani dalam membantu Pulau Pinang melawan pandemik COVID-19 dapat diteruskan meskipun telah berpindah ke KKM.

Berkongsi perjalanan Kerajaan Negeri dan pihak JKNPP, Kon Yeow akui sepanjang tempoh tersebut, amat sukar apabila segala usaha untuk mencari solusi bagi mengawal perebakan jangkitan 'disulami' dengan penyebaran berita palsu.

"Kerajaan Negeri dan pihak JKNPP bukan sahaja perlu menangani virus tetapi juga viral sehingga menyebabkan kita sentiasa terpaksa menepisnya dan memastikan maklumat yang sahih disampaikan dengan betul," katanya sambil mengimbau perjalanan Pulau Pinang berdepan pandemik COVID-19.

Dalam pertemuan itu juga, Asmayani turut menyatakan komitmennya untuk terus menjalinkan hubungan baik dan membantu Pulau Pinang menangani penularan pandemik COVID-19.

Asmayani dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) yang baharu di KKM berkuat kuasa 17 Ogos 2021 dan melapor diri pada 23 Ogos 2021. Pelantikan Asmayani adalah bagi menggantikan Datuk Dr. Norhizan Ismail yang telah bersara wajib.

Menyorot kembali perjalanan anak jati kelahiran Pulau Pinang tersebut, beliau dilantik sebagai Pengarah di JKNPP pada bulan Jun 2019 dan pernah berkhidmat sebagai Pengarah di Institut Kanser Negara.

Sebelum itu, beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah di Hospital Kulim dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perkembangan Perubahan, KKM serta bertugas di beberapa hospital dan fasiliti kesihatan di Selangor, Perak dan Pahang.

# Agenda pemerkasaan wanita buka mata pihak ketiga

**GEORGE TOWN** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa Dasar Keterangkuman Gender telah menjadi inspirasi dan model dalam mempertingkatkan prinsip demokrasi yang menjadi teras utama kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Menurut beliau, perkara tersebut adalah selaras dengan agenda Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara yang turut menekankan pemerkasaan rakyat tanpa mengira gender dalam pembangunan negeri.

"Dasar Keterangkuman Gender telah diguna pakai bagi memastikan wujudnya keseimbangan gender, yakni nisbah 40:40:20 atau 40 peratus wanita, 40 peratus lelaki dan 20 terbuka kepada wanita serta lelaki yang layak supaya perspektif dan keperluan dua gender tersebut diambil kira dalam membuat keputusan.

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah-langkah intervensi untuk memacu aspirasi dalam mencapai kesaksamaan gender.

"Selaku Ketua Menteri Pulau Pinang, saya sentiasa komited dalam mendukung usaha-usaha yang dijalankan bagi merapatkan jurang gender berkaitan," ujarnya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Jelajah Sidang Wanita 2021 yang dijalankan melalui aplikasi *Zoom* di sini 21 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng.

Tambah Kon Yeow, kejayaan kumpulan perintis seramai 40 individu pada tahun lalu turut menjadi contoh kepada negeri lain untuk mewujudkan platform sama dalam membawa isu-isu wanita.

"Saya telah dimaklumkan oleh PWDC bahawa Kerajaan Negeri Negeri Sembilan melalui Power House Wanita Gemilang (PH GEM) telah melancarkan Sidang Wanita Negeri Sembilan.

"Model Sidang Wanita Pulau Pinang akan digunakan oleh Negeri Sembilan, dan PWDC juga telah dijemput untuk mengadakan sesi perkongsian pengalaman serta pemindahan kepakaran berkenaan yang mana sekaligus membuktikan bahawa agenda pemerkasaan wanita negeri kita telah membuka mata dan mendapat tempat di lain-lain lokasi," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Chong Eng dalam pada itu memberitahu bahawa Sidang Wanita diperkenalkan untuk mencungkil bakat para pemimpin wanita tanpa mengira latar belakang sama ada dalam kalangan pemimpin komuniti, korporat, kerajaan, ahli parti politik, usahawan mahupun suri rumah.

"Pada penganjuran ini, seramai 15 fasilitator akan menilai 275 peserta bagi memilih 100 individu terbaik.

"Prosesnya bukan mudah kerana ia dijalankan secara dalam talian, namun buat para peserta, ambillah peluang ini untuk menonjolkan bakat kepimpinan yang ada dalam diri anda," ulasnya yang juga ADUN Padang Lalang.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Insentif galakan buat Nur Azlia Syafinaz

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Atlet berbasikal paralimpik kelahiran Pulau Pinang, Nur Azlia Syafinaz Mohd. Zais, yang layak berentap di temasya Sukan Paralimpik Tokyo 2020 menerima insentif galakan RM10,000 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Gimik penyampaian cek disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersama-sama Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee melalui telesidang yang diadakan di sini pada 13 Ogos lalu.

Kon Yeow ketika berucap menyatakan bahawa insentif yang disumbangkan diharap bakal mendorong Azlia Syafinaz untuk meraih kejayaan dalam kejohanan berprestij tersebut.

"Selaras dengan usaha Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dalam memastikan pembangunan sukan negeri ini berada di landasan yang terbaik, Ahli Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Sukan sekali lagi telah bersetuju dan memutuskan untuk menyampaikan insentif galakan berjumlah RM10,000 kepada Azlia Syafinaz sebagai suntikan semangat pada temasya kejohanan dunia ini.

"Kita baru sahaja menyaksikan temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020, dan sebagai penonton, kita dapat menghayati semangat juang para atlet negara Malaysia serta Pulau Pinang.

"Saya berharap semangat yang disemarakkan semasa Sukan Olimpik Tokyo lalu, turut sama ditunjukkan dalam Sukan Paralimpik Tokyo 2020," ujarnya pada Majlis Penyampaian Insentif Galakan Secara Dalam Talian Kepada Atlet Paralimpik Berbasikal Negeri Pulau Pinang Yang Layak Mewakili Negara ke Sukan Paralimpik Tokyo 2020.

Temasya terbesar bagi atlet paralimpik tersebut dijadualkan berlangsung dari 24 Ogos hingga 5 September 2021.

Insentif khas berkaitan sama seperti yang telah disumbangkan sebelum ini kepada dua atlet Pulau Pinang iaitu Chan Peng Soon dari sukan badminton serta Jeremiah Loo Phay Xing (gimnastik artistik) yang telah mewakili kontinjen Malaysia dalam Sukan Olimpik Tokyo 2020 pada 23 Julai hingga 8 Ogos lalu.

Dalam pada itu, Lip Chee memberitahu bahawa Azlia Syafinaz telah membuktikan kemampuan serta potensinya apabila beliau mewakili negara ke Sukan Para Asia pada tahun 2018, dan berjaya memungut tiga pingat emas berserta pingat perak (1) bagi acara lumba basikal trek dan lebuh raya.

"Beliau juga telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam Kejohanan Asian Track Cycling dengan pungutan tiga pingat emas pada tahun 2018, tiga pingat emas (2019) dan dua pingat gangsa (2020).

"Ini sekaligus membuktikan kegigihan beliau yang cukup gemilang serta prestasi yang amat konsisten," ulasnya.

Azlia Syafinaz pada sesi sama sempat merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas insentif galakan tersebut.

Ditanya mengenai latihan, Azlia Syafinaz mengakui bahawa beliau berdepan kesukaran sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mana telah mengehadkan jadual latihan," jelas gadis yang mempunyai kekurangan daripada segi penglihatan berkenaan.




**KETUA Menteri dan Soon Lip Chee (kanan sekali) menunjukkan isyarat tanda bagus sambil menunjukkan replika cek pada Majlis Penyampaian Insentif Galakan Secara Dalam Talian Kepada Atlet Paralimpik Berbasikal Negeri Pulau Pinang Yang Layak Mewakili Negara ke Sukan Paralimpik Tokyo 2020 di sini baru-baru ini.**



**NUR Azlia Syafinaz Mohd. Zais.**

# Hari Wakaf Pulau Pinang setiap 28 Ogos

**GEORGE TOWN -** Tarikh 28 Ogos setiap tahun bakal menjadi detik permulaan bersejarah buat Wakaf Pulau Pinang apabila dipilih sebagai Hari Wakaf Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa pemilihan tarikh tersebut adalah hasil perbincangan dalam sesi libat urus Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) baru-baru ini.

"Kertas kerja cadangan tersebut sedang diusahakan dengan pengisian sambutan (antaranya) adalah sumbangan wakaf tunai daripada masyarakat dan agensi-agensi berkaitan serta mewujudkan juga Anugerah Tokoh Wakaf Pulau Pinang.

"Mudah-mudahan dengan adanya sambutan Hari Wakaf Pulau Pinang ini, sistem wakaf akan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Islam di negeri ini," ujarnya ketika menyampaikan ucaptama pada Majlis Pelancaran Program Waqf Brotherhood yang disiarkan secara langsung menerusi platform *Google Meet, Facebook* dan *YouTube* pada 28 Ogos 2021.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif Wakaf Pulau Pinang, Rosidi Hussain; Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dr. Roslan Ahmad; Mufti Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato' Mohd. Bazid Abdul Kahar; Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang, Amran Hazali; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Mohd. Zakuan Zakaria dan Rektor Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB), Profesor Dr. Mohamad Abdul Hamid.

Barisan Ahli-Ahli Majlis MAINPP, wakil-wakil daripada institusi kewangan perbankan Islam seperti *Maybank Islamic; CIMB Islamic;* Bank Islam; *Affin Islamic; Hong Leong Islamic Bank* dan Etiqa Takaful; institusi pendidikan seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM); Majlis Daerah Kerian, Perak serta wakil-wakil jabatan dan agensi kerajaan termasuk amil-amil zakat antara yang hadir pada majlis maya berkaitan.

Dalam ucaptama sama ketika menyentuh mengenai penganjuran julung kali Program Waqf Brotherhood, Ahmad Zakiyuddin yang juga Yang di-Pertua MAINPP memaklumkan bahawa Wakaf Pulau Pinang kini dalam rangka misi menjadikan instrumen wakaf sebagai agenda dalam kehidupan masyarakat Islam di negeri ini.

"Dek pandemik COVID-19 yang masih berlanjutan sehingga kini, pelbagai pendekatan dan promosi menggunakan platform digital sedang rancak dilaksanakan oleh agensi milik penuh MAINPP ini, selaras dengan Visi Penang2030 iaitu ke arah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Konsep Program Waqf Brotherhood adalah berdasarkan at-ta'awun iaitu rangkaian kerjasama secara menyeluruh daripada pelbagai agensi yang bergabung sebagai rakan strategik dalam melaksanakan tanggungjawab demi memenuhi keperluan ummah.

"Selain itu, program ini juga bakal membentuk rangkaian sukarelawan Wakaf Pulau Pinang lebih mantap untuk memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerkasaan Komuniti.

Terdahulu, Rosidi memberitahu bahawa Program Waqf Brotherhood adalah inovasi yang sedang dilaksanakan Wakaf Pulau Pinang dalam usaha memenuhi tiga tujuan.

"Pertamanya, mempromosi fiqh al-waqf (fekah wakaf); keduanya mempromosi kesedaran berwakaf dan seterusnya meletakkan Wakaf Pulau Pinang sebagai wadah dalam menggerakkan potensi serta instrumen wakaf dalam kalangan masyarakat.

"(Dan) dalam menjaga amanah Allah SWT, platform baharu yang diwujudkan ini akan membentuk satu jaringan rangkaian strategi yang lebih meluas serta saling melengkapi atas nama persaudaraan wakaf," katanya yang mahu merealisasikan wakaf sebagai pemangkin ekonomi ummah.

# Kembali bebas jangkitan selepas hampir 'ditidurkan'

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**SEHINGGA** 25 Ogos lalu, kes keseluruhan jangkitan virus COVID-19 yang dilaporkan di negara ini telah mencecah 1,616,244 kes dengan sebanyak 75,774 kes telah direkodkan di negeri Pulau Pinang.

Angka tersebut menunjukkan bahawa kira-kira 4.2 peratus daripada 1.783 juta jumlah populasi penduduk di negeri Pulau Pinang telah dijangkiti virus berkenaan sejak pandemik COVID-19 melanda pada awal tahun 2020.

**MOHD. PAUZI MD TAHIR**, 63, merupakan antara individu yang pernah disahkan positif COVID-19 dan hampir ditidurkan ekoran mengalami kekurangan oksigen di dalam badan.



**MOHD. Pauzi Md Tahir terpaksa menggunakan alat bantuan pernafasan selama dua bulan ketika menjalani kuarantin di rumah.**

Ketika dihubungi Buletin Mutiara, beliau yang merupakan seorang pesara kerajaan tidak lokek untuk berkongsi pengalamannya dalam perjuangan melawan virus COVID-19 sebagai pengajaran buat semua.

Menurut Mohd. Pauzi, beliau disahkan positif COVID-19 pada 29 Mei 2021 sebelum diarahkan menjalani rawatan di Hospital Kulim, Kedah pada 1 Jun kerana telah didiagnosis sebagai pesakit tahap empat.

"Selepas menerima keputusan yang mengesahkan bahawa saya positif COVID-19 daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), saya dapat rasakan dunia ini seolah-olah gelap-gelita seketika.

"Lebih membimbangkan apabila isteri dan dua anak lelaki saya turut disahkan positif tetapi mereka tidak mengalami simptom, malah boleh dikatakan langsung tidak menunjukkan sebarang gejala.

"Oleh itu, semua ahli keluarga saya hanya diarahkan menjalani kuarantin di rumah selama 10 hari dan mereka akhirnya kembali pulih seperti biasa selepas beberapa hari.

"Namun begitu, keadaan saya agak berbeza kerana saya mengalami kesukaran untuk bernafas dan telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) selama 13 hari," ujarnya kepada Buletin Mutiara semasa wawancara khas melalui panggilan telefon pada 25 Ogos lalu.

Tambah Mohd. Pauzi, keadaan yang agak kritikal ketika itu menyebabkan doktor meminta izin untuk beliau 'ditidurkan' bagi tujuan memberikan bantuan pernafasan.

"Doktor minta izin untuk saya 'ditidurkan', tetapi saya menolak dengan cara baik dan memilih untuk melawan virus COVID-19 ini dalam keadaan sedar.

"(Dan) selepas 13 hari menjalani rawatan di hospital, syukur alhamdulillah… keadaan bertambah baik, dan saya dibenarkan pulang untuk menjalani kuarantin di rumah sahaja.

"Walau bagaimanapun, saya masih lagi mengalami kesukaran untuk bernafas yang membuatkan badan saya berasa mudah letih dan sering hilang selera makan.

"Justeru, anak-anak saya mengambil inisiatif membeli tiga unit tangki oksigen untuk saya gunakan di rumah," ulasnya lanjut.

Mohd. Pauzi berkata, selepas menjalani kuarantin di rumah dengan menggunakan alat bantuan pernafasan selama kira-kira dua bulan, akhirnya beliau kini berjaya pulih sepenuhnya daripada jangkitan virus COVID-19.

> **"Jangkitan virus COVID-19 ini adalah perkara yang nyata dan sangat menyakitkan. Oleh itu, kita perlu sentiasa mematuhi SOP bagi mengelakkan virus ini menular dalam kalangan masyarakat," tegasnya.**

"Disebabkan jangkitan virus ini, berat badan saya telah turun sebanyak 10 kilogram (kg) iaitu daripada 71kg sebelumnya kepada 61kg kini.

"Soal berat badan bukanlah perkara serius kerana apa yang paling penting adalah saya masih lagi bernafas dan mampu menjalani kehidupan seperti biasa," ujarnya penuh syukur.

Menurut Mohd. Pauzi, beliau kini sedang menunggu giliran untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 tetapi mungkin perlu mengambil masa kira-kira tiga bulan.

"Saya difahamkan, mereka yang sembuh daripada jangkitan COVID-19 perlu menunggu kira-kira tiga bulan sebelum mengambil suntikan vaksin bagi membolehkan badan membentuk imuniti serta antibodi yang mencukupi sebagai tindak balas terhadap virus," jelasnya.



**ABD. Rahim Darus.**

> **"Jangan takut untuk ambil vaksin kerana pihak berwajib termasuk mufti-mufti telah terangkan dengan jelas mengenai hukum pengambilan vaksin ini," serunya lagi.**

Dalam pada itu, beliau turut menasihati orang ramai agar mengambil serius mengenai COVID-19 dengan mematuhi segala prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan pihak berkuasa.

"Jangkitan virus COVID-19 ini adalah perkara yang nyata dan sangat menyakitkan. Oleh itu, kita perlu sentiasa mematuhi SOP bagi mengelakkan virus ini menular dalam kalangan masyarakat," tegasnya.

Turut berkongsi pengalaman ialah **ABD. RAHIM DARUS**, 60, yang menyatakan bahawa beliau turut disahkan positif COVID-19 selepas menjadi kontak rapat kepada seorang rakan yang disahkan positif sebelum itu.

Walau bagaimanapun, kata Abd Rahim, beliau bernasib baik kerana telah disahkan positif COVID-19 selepas beberapa hari menerima suntikan vaksin dos kedua pada awal Julai lalu.

Oleh itu, beliau yang ditempatkan di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID -19 (PKRC) dekat Pusat Kecemerlangan Mara (MEC) Jawi tidak mengalami simptom yang serius selain batuk serta hilang selera makan.

"Apabila rakan baik pakcik disahkan positif, pakcik dan ahli keluarga juga diminta melakukan ujian saringan oleh pihak KKM dan didapati positif, serta diarahkan menjalani kuarantin di PKRC Jawi selama enam hari.

"Selain pakcik, isteri dan lima anak juga disahkan postif tetapi mereka hanya perlu menjalani kuarantin di rumah sambil dipantau rapi oleh pihak KKM kerana mereka hanya demam biasa selama dua hari," ujarnya kepada Buletin Mutiara ketika dihubungi.

"Syukur pakcik dan isteri telah menerima dua dos lengkap vaksin dan keadaan ini mungkin menyebabkan kami tidak mengalami gejala yang serius seperti sesak nafas dan demam teruk," jelasnya.

Justeru, Abd Rahim yang menetap di Simpang Empat Permatang Buluh dekat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) menasihati penduduk di negeri ini supaya mematuhi SOP untuk mengelakkan dijangkiti virus COVID-19 yang kini semakin berleluasa di negeri ini.

"Nasihat pakcik kepada masyarakat di luar sana agar sentiasa mematuhi SOP kerana virus COVID-19 ini bukan perkara main-main, dan setiap orang berisiko untuk dijangkiti.

"Pakcik juga sebelum ini jenis 'ketegaq' (degil) tetapi selepas disahkan positif, kini pakcik lebih berhati-hati terutamanya apabila melakukan urusan di luar rumah.

"Selain itu, pakcik juga nasihatkan orang ramai supaya mengambil suntikan vaksin supaya sekiranya dijangkiti, keadaan tidaklah serius sebagaimana mereka yang belum menerima vaksin.

"Jangan takut untuk ambil vaksin kerana pihak berwajib termasuk mufti-mufti telah terangkan dengan jelas mengenai hukum pengambilan vaksin ini," serunya lagi.

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**




**SITI Fari Hah Zonol (kiri sekali) sedang membantu salah seorang penduduk setempat yang hadir ke Pusat Khidmat KADUN Padang Lalang untuk mendapatkan bantuan barangan keperluan.**

# Salur bantuan tanpa mengira bangsa dan fahaman politik

**PELAKSANAAN** beberapa siri Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang kini diganti dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah menyebabkan banyak pihak berdepan kesukaran sama ada daripada segi ekonomi mahupun kesihatan.

Bukan sahaja kumpulan berpendapatan rendah (B40) yang sememangnya memerlukan bantuan berterusan daripada pihak berwajib, malah tidak terkecuali juga kumpulan berpendapatan sederhana (M40) dan segelintir mereka yang berpendapatan tinggi (T20).

Justeru, keadaan ini menuntut keprihatinan yang tinggi daripada wakil rakyat sama ada Ahli Parlimen mahupun Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) untuk memastikan kebajikan rakyat di kawasan masing-masing sentiasa terjaga dan terbela.

Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Lalang bawah pimpinan Chong Eng antara yang aktif menjalankan program penyaluran bantuan bagi memastikan tiada seorang pun rakyat yang 'kelaparan' dalam tempoh getir ini.

Dibantu oleh barisan pimpinan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang prihatin dan berwibawa, pelbagai bentuk bantuan disampaikan terus kepada rakyat tanpa henti sejak pandemik COVID-19 melanda negara termasuk Pulau Pinang.

## Giat laksana program kebajikan

MPKK Kampung Baru Alma antara salah satu MKPP dalam KADUN Padang Lalang yang giat melaksanakan program kebajikan dan kesukarelawan untuk membantu rakyat dalam menghadapi situasi mencabar kini.

Setiausahanya, **SITI FARI HAH ZONOL**, 40, ketika ditemui Buletin Mutiara menjelaskan bahawa adalah penting untuk memastikan setiap bantuan yang disalurkan kepada rakyat dilakukan secara adil dan telus tanpa mengira agama, bangsa mahupun fahaman politik.

"Kita salur bantuan mengikut permintaan serta keperluan sama ada kepada mereka yang datang sendiri ke Pusat Khidmat KADUN atau yang kita jejaki dari rumah ke rumah seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

"Bagi memastikan ketelusan, kita telah menyediakan borang soal selidik untuk mengesan pihak-pihak yang memerlukan ini tanpa mengira apa fahaman politik mereka.

"Ini juga adalah amanah YB (Chong Eng) sendiri yang sentiasa menegaskan bahawa bantuan hendaklah diberikan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan tanpa mengambil kira parti politik apa yang mereka sokong," katanya ketika ditemui dekat Pejabat Pusat Khidmat KADUN Padang Lalang pada 2 Ogos lalu.

Walaupun adakalanya usaha yang dilaksanakan mendapat kritikan daripada sesetengah pihak, Siti Fari Hah menjelaskan bahawa perkara itu tidak menjadi alasan untuk beliau dan pasukan berpetus asa dalam usaha membantu rakyat.

"Ada juga yang mempersoalkan keikhlasan kita dalam menyalurkan bantuan kerana memerlukan mereka mengisi beberapa maklumat peribadi, tetapi apa yang kita lakukan adalah untuk mengelakkan ketirisan.

"Ini kerana, melalui borang soal selidik inilah kita dapat mengesan sama ada mereka memerlukan bantuan atau tidak selain menentukan apakah jenis bantuan yang mereka perlukan ketika ini.

"Selain itu, kita juga tidak mahu timbul sebarang pertikaian pada masa akan datang berkaitan penyaluran bantuan kerana semua yang kita salurkan direkod sebagai bukti," tegasnya.

Mengulas mengenai trend mengibar 'bendera putih', Siti Fari Hah dengan bangganya menyatakan bahawa isu tersebut tidak pernah berlaku di kawasan MPKK Kampung Baru Alma.

"Apabila menerima aduan sama ada melalui panggilan telefon mahupun aplikasi *WhatsApp*, kita akan pastikan sebelum mereka mengangkat 'bendera putih', kita cepat-cepat salurkan bantuan yang diperlukan kurang dari 24 jam," jelasnya.

Tambah beliau, bantuan yang disediakan oleh pihaknya bukan sahaja barang makanan tetapi juga dalam bentuk baucar untuk membeli keperluan asas mengikut keperluan masing-masing.

"Selain bahan makanan, kita juga berikan bantuan berbentuk baucar bernilai RM50 hingga RM100 supaya mereka boleh pergi ke pasar raya terpilih untuk membeli sendiri barangan yang mereka perlukan.

"Bantuan baucar ini diutamakan untuk keluarga yang mempunyai bilangan ahli keluarga ramai terutamanya kanak-kanak.

"Bagi sesetengah keluarga, mereka tidak mempunyai masalah daripada segi bekalan makanan tetapi memerlukan keperluan lain seperti susu tepung, lampin pakai buang, peralatan sekolah anak-anak dan sebagainya.

"Malah, bantuan yang kita salurkan ini bukanlah berbentuk sekali sahaja tetapi sekiranya mereka masih memerlukan kita akan berikan lagi dengan syarat mesti lebih satu atau dua minggu selepas menerima bantuan pertama kecuali bagi keluarga yang mempunyai ahli keluarga yang ramai," ulasnya.

## Pastikan bantuan sampai kepada yang memerlukan

Menurut Siti Fari Hah, kerja-kerja kebajikan yang dilakukan sejak sekian lama telah banyak memberikan pengajaran dan pengalaman tersendiri buat diri beliau khususnya dalam aspek menyantuni golongan yang memerlukan.

"Saya masih ingat lagi, pernah satu masa saya terlepas pandang untuk menyalurkan bantuan kepada sebuah keluarga yang benar-benar daif di kawasan ini dan juga tidak pernah menerima bantuan daripada mana-mana pihak.

"Selepas menyedari hal itu, saya cuba mendekati keluarga terbabit untuk membantu memandangkan kediaman yang dihuninya sangat usang selain dipenuhi sampah-sarap.

"(Dan) apabila kita selidiki, rupa-rupanya dia memang bekerja sebagai pengumpul barangan terpakai sebagai punca pendapatan, jadi kita ambil tindakan menyalurkan bantuan dengan segera," ulasnya.



**JOTHI Jhen Hao.**

Selain itu, beliau menyatakan bahawa bantuan juga disalurkan kepada keluarga yang terpaksa menjalani kuarantin di rumah.

"Keluarga yang dikuarantin, walaupun ada duit tetapi mereka tidak boleh keluar, jadi kita memang akan berikan mereka bantuan dalam bentuk makanan serta barangan asas mengikut keperluan semasa," ujarnya yang telah terlibat dalam kerja kesukarelawan sejak lima tahun lalu.

Sementara itu, Pengurus Pusat Khidmat KADUN Padang Lalang, **JOTHI JHEN HAO**, 35, berkata bahawa pihaknya turut memberi perhatian kepada golongan M40 yang merupakan kumpulan paling terjejas dek penularan pandemik COVID-19.

"Banyak juga mereka daripada kumpulan M40 yang memerlukan bantuan tetapi malu untuk tampil meminta bantuan atas pelbagai alasan.

"Kumpulan ini kebanyakannya peniaga dan tidak memerlukan bantuan dalam bentuk makanan tetapi lebih kepada kewangan kerana komitmen mereka sangat tinggi seperti membayar ansuran rumah, kereta, utiliti serta lain-lain.

"Jadi, untuk kumpulan ini, kita akan fikirkan jenis bantuan berbeza yang mana kita akan menggunakan strategi serampang dua mata dengan membeli produk mereka untuk disalurkan kepada golongan B40.

"Melalui kaedah itu, kita dapat membantu kumpulan B40 dan pada masa sama kita juga membantu golongan M40 dan T20," ujarnya.

# Golongan sasaran divaksin

Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**PPV BERGERAK...** Pelaksanaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bergerak di bawah program Mobilisasi Vaksin Komuniti (MOVAK) adalah bagi memastikan golongan sasaran diberi suntikan vaksin secepat mungkin.

Inisiatif yang dijalankan dekat Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Keng Koon pada 15 Ogos lalu telah berjaya memberi suntikan vaksin kepada 300 individu berusia 50 tahun dan ke atas, ibu serta bapa tunggal dan golongan orang kurang upaya (OKU).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow hadir pada program berkaitan.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud.




**KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan pada pelaksanaan program PPV bergerak di SJKC Keng Koon di sini baru-baru ini.**

**SALAH seorang penerima vaksin.**

# PSR pacu peningkatan sosial, pembangunan jangka panjang

**GEORGE TOWN –** Pelan Pengurusan Alam Sekitar atau *Environmental Management Plan* (EMP) bagi projek tambakan laut di perairan selatan pulau Pulau Pinang (PSR) telah diserahkan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang pada 31 Mei 2021.

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC), Dato' Seri Farizan Darus berkata bahawa kerja-kerja persiapan bagi projek tersebut telah dilakukan sejak lima tahun lalu berdasarkan objektif untuk menyediakan tanah bagi pembangunan jangka panjang Pulau Pinang, iaitu 50 tahun akan datang.

"Projek PSR bukan sekadar mewujudkan tanah baru untuk pembangunan negeri pada masa depan tetapi lebih penting lagi, projek ini memberi peningkatan sosial kepada masyarakat setempat termasuk para nelayan.

"Projek ini juga telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai salah satu komponen pemacu pemulihan ekonomi Pulau Pinang yang akan memberi manfaat terhadap lain-lain sektor berkaitan," ujarnya melalui satu kenyataan oleh PIC di sini baru-baru ini.

Menurut Farizan, sebelum proses penambakan dimulakan, projek PSR telah membuka ruang pekerjaan yang stabil bukan sahaja kepada nelayan tetapi juga masyarakat setempat serta graduan baru dalam kalangan anak-anak tempatan.

"Setakat ini, lebih 120 individu termasuk nelayan tempatan telah mendapat pekerjaan dalam projek ini.

"Mereka kini memperoleh pendapatan yang stabil dan menikmati faedah seperti perlindungan insuran, Perkeso (Pertubuhan Keselamatan Sosial) dan caruman KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) yang sebelumnya tidak pernah mereka miliki.

"Bahkan, projek ini juga berjaya mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan profesional dan juga mereka yang dalam kumpulan bukan profesional serta teknikal," katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman ketika ditemui menyambut baik usaha yang dilakukan demi memastikan peningkatan sosial berterusan.

"Peningkatan sosial terutamanya golongan nelayan merupakan keutamaan Kerajaan Negeri, justeru, RM100 juta diperuntukkan di bawah projek ini untuk membiayai program berkaitan termasuk mewujudkan inisiatif peningkatan perikanan.

"Antara inisiatif yang bakal dan sedang dilakukan kini adalah bantuan kewangan, bot dan enjin baru, pembangunan empat jeti nelayan baru, peluang pekerjaan dan perniagaan baru, latihan penempatan semula, tuisyen percuma serta biasiswa pendidikan kepada golongan nelayan yang terlibat dalam pembangunan projek PSI ini," jelasnya yang juga Pengerusi Taskforce Nelayan.

Tambah Ahmad Zakiyuddin, apabila PSR dibangunkan kelak, laluan para nelayan untuk ke laut tidak terhalang kerana adanya laluan navigasi selebar 250 meter yang disediakan untuk para nelayan.

"Selain itu, melabuhkan tukun tiruan dan unjam, pelepasan benih ikan dan udang, penanaman bakau serta pembiayaan penyelidikan perikanan bagi meningkatkan ekosistem pesisir pantai juga bakal dilaksanakan demi kelestarian sektor perikanan," ujarnya.

Data yang diperoleh PIC berpandukan Laporan Jabatan Perikanan Malaysia dari tahun 2013 sehingga 2019 sebagai dipetik, telah menunjukkan bahawa projek tambakan laut hanya mendatangkan kesan yang minimum terhadap sektor perikanan di negeri ini.

Penambakan di Tanjung Tokong serta Bayan Mutiara masing-masing bermula pada tahun 2016 dan 2017 tidak menunjukkan kemerosotan pendaratan ikan di kawasan tersebut.

Pendaratan ikan laut dari tahun 2017 hingga 2019 sebenarnya telah meningkat daripada 153,864 tan kepada 157,734 tan setelah penambakan di kedua-dua kawasan itu bermula.

Malah, purata pendaratan ikan untuk seorang nelayan juga meningkat sebanyak 40.5 peratus iaitu daripada 7.66 tan kepada 10.76 tan.

Dalam pada itu, seorang nelayan muda, **ADAM ANUAR** berkongsi pengalaman setelah menerima tawaran kerja melalui projek PSI.

"Sebelum ini, saya tidak mampu menyimpan duit apatah lagi membeli motosikal. Namun setelah bekerja di bawah projek ini, saya kini mampu membuat bayaran ansuran bagi motosikal saya termasuk membiayai sewa bulanan rumah," katanya.

Seorang lagi bekas nelayan, **SAMSUAR HASSHIM** turut mempunyai pengalaman sama.

"Kini pendapatan yang diterima adalah lebih stabil, dan telah memberikan keluarga saya kehidupan yang lebih baik dan selesa," ulasnya.



**ADAM Anuar.**



KEPELBAGAIAN spesies burung merak yang menjadi koleksi khas.

# Taman Burung Merak tarikan baru Taman Kimsar

**TSUNAMI** yang melanda beberapa kawasan di negara republik Indonesia pada tahun 2004 dahulu turut menggamit perhatian **D. PARANTHAMAN**, 45, bersama-sama beberapa rakan menangguhkan urusan perniagaan di ladang kelapa sawit dekat Kalimantan, untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja kemanusiaan sejagat pasca bencana di wilayah Acheh.

Selepas itu, beliau menerima hadiah 'istimewa' berupa 10 ekor burung merak baka asli lokal daripada mantan Presiden Indonesia pada tahun sama kejadian bencana.

"Apabila saya mendapat hadiah 'istimewa' itu, saya juga tidak tahu bagaimana untuk menguruskannya.

"Sehinggalah suatu ketika setelah saya belajar secara tidak langsung mengenai burung merak, pada tahun 2013 jika tak salah, saya mengambil kursus memelihara serta perawatan burung merak.

"Selama sembilan bulan juga saya mengambil kursus sambilan di sebuah pusat unggas dekat Bangalore, India," jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** semasa bertandang ke 'zoo mini' beliau dekat Taman Kimsar dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Perai baru-baru ini.

Mengakui dirinya mempunyai sedikit pengetahuan dalam bidang penternakan burung merak, Paranthaman berkata bahawa beliau memasang impian untuk mewujudkan sebuah taman merak di negeri Pulau Pinang.

"Asalnya, saya memang ada 10 ekor burung merak yang dihadiahkan oleh bekas Presiden Indonesia, tetapi pada hari ini, saya mempunyai kira-kira 200 ekor dalam pelbagai baka, yang sesetengahnya mungkin sukar ditemui di mana-mana negara asal baka tersebut," jelasnya.

Sambil berbicara, Paranthaman turut mempelawa Buletin Mutiara melihat beberapa baka merak yang memang payah ditemui.

Antaranya, menurut beliau, adalah merak putih 'bukan albino', *Pier* dan *Black-shouldered peafowls* dari negara Sepanyol.

"Merak bukan binatang yang berbahaya, bahkan, semasa merak dalam keadaan riang, burung ini akan mengembangkan ekornya yang begitu cantik dengan seni tarian tersendiri," katanya sambil menunjukkan beberapa rakaman visual eksklusif beliau di *Instagram* dan dalam simpanan telefon pintar.

Ditanya sama ada penternakan burung merak mempunyai prospek perniagaan yang bagus semasa pandemik COVID-19, dalam nada berseloroh beliau berkata, "kalau saudara benar-benar berminat untuk menjaga burung merak, saya boleh berkongsi ilmu pengetahuan terlebih dahulu bagaimana memelihara baka istimewa ini supaya boleh bertahan hidup lama."

Tambah Paranthaman, tiap-tiap bulan boleh dikatakan beliau membelanjakan sehingga RM2,800 untuk memberi makanan serta rawatan khas kepada burung merak koleksi peribadinya.

"Itu, belum lagi mengambil kira binatang peliharaan lain seperti burung kakak tua yang banyak bercakap di atas bahu saya ini, juga puluhan ekor baka anjing salji *(Husky)* yang saya pelihara dalam rumah ini dan ia boleh hidup dalam iklim khatulistiwa kita," ulasnya.



P. David Marshel.

Minat Paranthaman menternak pelbagai binatang kesayangan terutama merak di Taman Kimsar turut mendapat perhatian Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy.

Dalam sesi bual bicara berasingan selepas itu, dua Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), P. David Marshel dan Jason Raj memberitahu bahawa cadangan Paranthaman untuk mewujudkan taman rekreasi berkaitan merak akan menambahkan lagi daya tarikan pelancong ke negeri Pulau Pinang terutama bahagian Seberang Perai.

"Mungkin ada juga pihak lain menternak merak seperti Paranthaman, tetapi suatu tapak rekreasi bertemakan habitat burung merak, kalau dibina di sini (Taman Kimsar, Perai), mungkin yang pertama di negara ini," ujarnya.

Menurut David Marshel, cadangan Paranthaman mewujudkan sebuah sangkar besar untuk koleksi burung Merak pelbagai baka, dengan membina sebuah kolam teratai di tanah lapang di sini sekali gus turut meningkatkan lagi kualiti hidup penduduk lokal bagi aktiviti rekreasi bersama-sama keluarga.

"Cadangan untuk mewujudkan Taman Eco-Merak Perai ini dengan anggaran kos kira-kira RM300,000 turut mendapat perhatian daripada Dr. Ramasamy sendiri.

"Dan, kami (MBSP) juga difahamkan bahawa beliau (Paranthaman) turut mempunyai rancangan untuk membina sebuah kedai cenderamata yang mana hasil penjualan itu akan digunakan untuk membiayai kos pemeliharaan burung merak di sini," katanya.

Sementara Jason pula memberitahu bahawa jika projek Taman Eko-Merak Perai tersebut dibuka kelak, beliau berharap operasi taman rekreasi awam itu bukan berorientasikan keuntungan sebaliknya untuk tujuan pembelajaran buat generasi kanak-kanak.



SANGKAR yang dalam proses pembinaan.



D. Paranthaman.

# Madu kelulut, anugerah alam tidak ternilai

**SEBUT** sahaja tentang madu, umum mengetahui tentang kebaikan, khasiat, kemanisan semula jadi dan sering dijadikan sebagai sumber makanan tambahan.

Malah, dalam agama Islam, madu juga dianggap antara makanan terbaik yang dikategorikan sebagai makanan sunah, yakni diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW.

Buletin Mutiara melalui penulis, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berpeluang mendekati **RAYMOND SIM CHOON YEE**, 50, salah seorang pengusaha madu kelulut di negeri ini.

Lawatan ke Sungai Ara baru-baru ini turut disertai oleh Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif, Yeoh Soon Hin serta Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Edward Tan Chiew Choon.



RAYMOND Sim Choon Yee.

Choon Yee juga merupakan Presiden Syarikat Green Eco Farm yang mengusahakan ternakan kelulut untuk menghasilkan madu dekat Sungai Ara, Pulau Pinang dan Klang, Selangor.

"Saya telah mengusahakan ternakan kelulut (tidak berbisa) ini selama enam tahun, bermula sebagai hobi dan suka-suka, kini telah menjadi satu cabang yang menghasilkan pendapatan.

"Di sini, saya menggunakan konsep hijau iaitu penternakan di dalam hutan supaya tidak mengganggu alam semula jadi yang mana kami hanya dirikan binaan asas untuk kelulut bersarang.

"Kawasan bukit Sungai Ara ini terdapat kira-kira 300 sarang kelulut yang dikendalikan dengan cara meletakkan 60 sarang bagi satu ekar tanah," jelasnya kepada Buletin Mutiara.

Kata beliau, teknik penternakan kelulut harus betul agar pulangan hasil lebih baik di samping mengelakkan persaingan antara kelulut dalam mencari sumber makanan.

## Hasil

Untuk mendapatkan hasil yang baik, Choon Yee perlu menanam kepelbagaian spesies tumbuhan berbunga bagi memudahkan kelulut mencari makanan.

"Jadi, saya tanam pokok-pokok herba sebagai sumber kepada kelulut ini. Selain itu, di sini secara semula jadi terdapat pokok-pokok lain yang menyumbang kepada makanan kelulut ini.

"Hasil diperoleh mengikut jumlah dan saiz sarang, dianggarkan 500 gram (g) madu boleh dihasilkan dalam tempoh tiga bulan untuk satu sarang kelulut.

## Cabaran

Setiap bidang kerjaya terutamanya perniagaan pasti ada jatuh bangun dalam mematangkan kemahiran setiap orang.

Justeru, Choon Yee sendiri tidak terkecuali daripada mengalami nasib tersebut ketika awal menceburkan diri dalam bidang ternakan kelulut.

"Masa mula dahulu, saya hanya fikirkan kuantiti, jadi saya dapatkan sarang dalam jumlah yang banyak untuk satu-satu kawasan ternakan.

"Seperti dimaklumkan tadi, sumber makanan adalah nombor satu, jadi ia gagal kerana saya tidak menyediakan sumber makanan yang mencukupi.

"Dari situ saya belajar untuk baiki kelemahan dan cuba memulakan semula bagi menghidupkan kembali penternakan ini agar hasil yang diperoleh adalah lebih baik," ulasnya sambil menyatakan bahawa manusia juga tidak terkecuali menjadi 'musuh' kelulut itu sendiri selain daripada serangga lalat hitam.



RUPA bentuk dalaman sarang kelulut matang dan ia sama sekali berbeza dengan sarang lebah.

## Cara pengambilan madu asli

Choon Yee menjelaskan bahawa untuk membezakan madu tiruan dan asli bukanlah satu perkara yang mudah.

"Agak sukar membezakan secara asas, melainkan melalui ujian makmal sahaja, sekiranya ditulis sebagai madu proses, itu tidak boleh dikira sebagai tiruan.

"Apabila ada elemen proses, memang akan mengubah sifat madu itu sendiri atau bahan tambahan lain dimasukkan, madu asli cuma proses melalui penapisan sahaja.

"Waktu terbaik untuk mengambil madu adalah setelah bangun tidur pada waktu pagi iaitu sebelum makan atau minum.

"Selepas minum, tunggu selama 10 minit barulah boleh ambil makanan atau minuman lain supaya madu dapat diserap ke seluruh badan dan memberi manfaat kepada kesihatan," katanya.

Tambah Choon Yee, untuk lebih berkesan, elakkan mengguna sudu logam kerana sifat bahan tersebut boleh teroksida dengan sifat semula jadi madu.

Seperkara lagi, beliau menyatakan bahawa madu cukup dengan hanya satu pengambilan atau bersamaan 20g sahaja (satu sudu makan), sekiranya mengambil lebih daripada kuantiti tersebut ia adalah satu pembaziran.

"Untuk mengelakkan kehilangan khasiat madu, ia perlu disimpan bawah daripada suhu 40 darjah celsius, elakkan haba melampau, seeloknya simpan pada suhu bilik dan botolnya terendam di dalam air.

"Kaedah tersebut dipercayai berada dalam keadaan suhu yang sama seperti di dalam sarang," tambahnya.



RAYMOND Sim Choon Yee (tengah) memberi penerangan kepada Yeoh Soon Hin (kanan sekali) dan Edward Tan Chiew Choon berkenaan sarang kelulut bersempena lawatan ke tapak penternakannya baru-baru ini.

## Harapan

Choon Yee berharap agar suatu hari nanti pasaran madu kelulutnya dapat diperluaskan ke pasaran antarabangsa.

"Cuma sekarang masih memberi fokus di dalam negara terlebih dahulu. Selain itu, madu kelulut saya juga dieksport ke China, Hong Kong dan Brunei tetapi melalui syarikat lain.

"Madu kelulut ini adalah anugerah tidak ternilai kepada kita, lebih unik dan berkhasiat tinggi, ia cuma boleh didapati di negara-negara beriklim khatulistiwa.

"Akhir sekali, saya berharap agar masyarakat kita akan lebih mengenali madu kelulut kerana khasiatnya malah, ia juga lebih baik berbanding madu lain berdasakan satu kajian yang dijalankan pada 20 tahun lepas," ujarnya menutup bicara.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD DAUD**

# Permohonan tapak perkhemahan harap dapat kelulusan

**PERSEKUTUAN** Pengakap Malaysia Negeri Pulau Pinang (PPMNPP) berharap agar permohonan untuk membangunkan sebuah tapak perkhemahan di atas Lot 646, Mukim 1 dekat Teluk Bahang diluluskan oleh pihak berwajib.

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Pulau Pinang, **ZULKIFLI KAMARUDDIN** berkata bahawa tapak perkhemahan tersebut bukan sahaja penting untuk 20,000 ahli Pengakap di negeri ini,

### 15 tahun tanpa tapak perkhemahan

Difahamkan, Pengakap Pulau Pinang tidak mempunyai tapak perkhemahan sendiri selama 15 tahun selepas tapak perkhemahan di Kem Coronation dekat Jalan Kebun Bunga diambil alih oleh Kerajaan Negeri untuk projek pembesaran Taman Botani pada tahun 2006.

Walau bagaimanapun, Zulkifli berkata bahawa PPMNPP sebelum ini telah membeli tanah seluas 14 ekar dekat Teluk Bahang daripada Kerajaan Negeri pada tahun 1989 untuk membina sebuah tapak perkhemahan.



**KUNJUNGAN hormat terhadap TYT baru-baru ini.**

malah turut memberi manfaat kepada badan-badan beruniform lain pada masa akan datang.

"Persatuan Pengakap di Malaysia asalnya bermula di negeri Pulau Pinang iaitu pada zaman penjajahan Inggeris sekitar tahun 1908 sebelum gerakan Pengakap berkembang di seluruh negara.

"Malah, program Jambori Pengakap Malaya yang pertama kali diadakan di Rifle Range pada tahun 1927 dan Jambori pertama di Malaysia juga bermula di Pulau Pinang iaitu di Teluk Bahang pada tahun 1966.

"Agak malang, walaupun Pulau Pinang menjadi negeri perintis kepada aktiviti Pengakap, tetapi kita menjadi satu-satunya negeri di Malaysia yang tidak mempunyai tapak perkhemahan sendiri sehingga kini," katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui dekat Wisma Pengakap baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap Pulau Pinang, Henry Heng Soo Peng; Pengerusi Majlis Pengakap Pulau Pinang, Lee Tong Leon dan Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Pulau Pinang, Chew Kok Rui.

Beliau berkata, tanah tersebut dibeli dengan harga RM90,000 melalui kutipan dana awam yang mana pada tahun 2017, pihaknya telah mengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi membina sebuah tapak perkhemahan.

Menurut Zulkifli, permohonan itu pada mulanya telah mendapat kelulusan bersyarat daripada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) pada 15 Disember 2020 sebelum mendapat surat penolakan pada 30 Mei 2021.

"Kita juga sedang menyiapkan laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan beberapa langkah lain bagi memenuhi syarat yang ditetapkan pada waktu itu, tetapi belum pun laporan siap, permohonan kami telah ditolak.

"Salah satu alasan yang diberikan adalah projek pembangunan tapak perkhemahan ini bakal mengganggu kelestarian pembangunan Taman Negara yang tertakluk di bawah Akta Taman Negara 1980 (Akta 226).

"Akta ini sebenarnya tidak terikat dengan tanah kami kerana hanya tertakluk kepada pembangunan di atas tanah Taman Negara sebaliknya tanah kami adalah jenis persendirian yang mana cukai dibayar pada setiap tahun," ujar beliau.

Zulkifli berkata, projek pembangunan tapak perkhemahan milik PPMNPP adalah selaras dengan prinsip Pengakap iaitu mencintai dan melindungi alam semula jadi.

"Memandangkan tanah kami berdekatan dengan Taman Negara, maka konsep projek ini tidak akan menjejaskan alam semula jadi.

